

# 'Jangan guna bahasa cari publisiti'

BH 25 SEP 1967

**KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai isu politik hanya ingin mencari 'publisiti murah.'**

Perdana Menteri berkata golongan itu, yang bilangannya mereka kecil, menjadikan soal bahasa sebagai isu politik sedangkan orang ramai sudah lama menerima kedudukan bahasa Malaysia dan tidak pernah membantah.

"Kalau kita perhatikan, hasrat kerajaan meluaskan bahasa Malaysia sudah tercapai malah penggunaan bahasa Malaysia di kalangan orang bukan Melayu sudah sampai ke tahap tertinggi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku puisi-puisi dan drama-drama pilihan karya Sasterawan Negara, Usman Awang, di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

## □ TEKS UCAPAN PM — MUKA 10

Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkembangan sihat bahasa Malaysia dapat dilihat dalam pertandingan bahas Sekolah Rendah Kebangsaan Cina yang penggunaan bahasa Malaysia mereka sungguh menggalakkan.

Belliau juga mengingatkan ahli-ahli politik bahasa sokongan yang mereka perolehi dalam setiap pilihanraya adalah disebabkan mereka menggunakan bahasa Malaysia.

"Saya berpendapat semua pihak tanpa mengira kaum tidak lagi perlu menimbulkan soal bahasa. Kita tidak pernah melarang sesiapa menguasai ba-

hasa ibundanya atau bahasa lain tetapi mereka mesti mampu menguasai bahasa Malaysia," katanya.

Menurutnya, politik negara kini sudah bertambah matang dan mereka yang dulunya menentang penggunaan bahasa Malaysia terpaksa menyokongnya bagi menjamin kepentingan politik mereka.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata mutu pertuturan bahasa Malaysia di kalangan ahli politik sudah meningkat.

"Ini berbanding dengan tahap penguasaan bahasa Malaysia sewaktu merdeka. Ketika itu, orang bukan Melayu malah bangsa Melayu sendiri tidak fasih berbahasa Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata penggunaan bahasa Malaysia akan memastikan perkembangan pesat bahasa berkenaan.

"Perkembangan akhbar berbahasa Malaysia yang pesat berbanding akhbar bahasa lain juga menunjukkan peningkatan penguasaan bahasa Malaysia oleh orang ramai," tegasnya.